



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Emel* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



20 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Perolehan Universiti: Universiti  
Pertahanan Malaysia (UPNM) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi  
(KPT).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Perolehan Universiti: Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 22 Mac 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur dan Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPNM yang mewakili Naib Canselor UPNM bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Tiada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Daerah Jelebu untuk pembinaan Kem Kongkoi di Jelebu, Negeri Sembilan.

- ii) Kualiti kerja pembinaan Kem Kongkoi kurang memuaskan.
- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) Jawatankuasa ini, memandang serius terhadap ketidakpatuhan yang berlaku dan meminta KPT untuk memperkukuh serta menyelaraskan peraturan kewangan dan pengurusan perolehan UPNM.
- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas menyiasat ketidakpatuhan yang dinyatakan JAN dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).
  - ii) Peranan Audit Dalam di setiap universiti perlu diperkukuhkan lagi bagi memastikan pelaksanaan pengurusan perolehan di universiti adalah teratur.
  - iii) UPNM harus menggunakan prosedur kewangan sedia ada selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan.
  - iv) KPT perlu melihat semula semua peraturan dan tatacara kewangan universiti-universiti bagi menyelaraskan urusan kewangan universiti.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Perolehan Universiti: Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)